

ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH 2004
Kaedah-Kaedah Peguam Syar'ie (Negeri Sabah) 2021

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYAR'IE

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Keahlian Jawatankuasa
5. Penamatan pelantikan dan peletakan jawatan
6. Mesyuarat Jawatankuasa
7. Fungsi Jawatankuasa

BAHAGIAN III
PEGUAM SYAR'IE

8. Kelayakan sebagai Peguam *Syar'ie*
9. Kelayakan akademik
10. Pelatihan
11. Peperiksaan atau temuduga
12. Permohonan
13. Penerimaan Masuk sebagai Peguam *Syar'ie*
14. Daftar Peguam *Syar'ie*
15. Rayuan
16. Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*
17. Pemakluman
18. Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar Peguam *Syar'ie*

19. Permohonan untuk dilantik semula sebagai Peguam *Syar'ie*
20. Pembaharuan Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*

**BAHAGIAN IV
PROSEDUR TATATERTIB**

21. Tindakan tatatertib
22. Aduan terhadap Peguam *Syar'ie*
23. Siasatan
24. Kuasa Jawatankuasa mengeluarkan perintah
25. Rayuan daripada perintah akhir atau keputusan Jawatankuasa

**BAHAGIAN V
PERUNTUKAN AM**

26. Mengemukakan Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*
27. Kebenaran untuk beramal dalam Kes-Kes Khas
28. Sekatan
29. Penalti
30. Pemansuhan dan Kecualian

JADUAL PERTAMA
JADUAL KEDUA
JADUAL KETIGA
JADUAL KEEMPAT



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LXXVI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 26 OGOS 2021

[No. S 7]

No. S 19

[No. JPBN (S) 600-1/6 Klt.7]

ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH 2004

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYAR'IE (NEGERI SABAH) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32(2) Enakmen Mahkamah Syariah 2004 [*No. 6 Tahun 2004*], Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri membuat Kaedah-Kaedah seperti yang berikut -

BAHAGIAN I PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Peguam *Syar'ie* (Negeri Sabah) 2021.
(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“Daftar Peguam *Syar’ie*” ertinya Daftar Peguam *Syar’ie* yang disebutkan di dalam kaedah 14;

“Enakmen” ertinya Enakmen Mahkamah Syariah 2004 [*No.6 Tahun 2004*];

“Hakim Mahkamah Tinggi Syariah” ertinya Hakim Mahkamah Syariah yang dilantik di bawah seksyen 7 Enakmen;

“Hakim *Syar’ie*” ertinya Hakim yang ditafsirkan di bawah subseksyen 2(1) Enakmen;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Khas Peguam *Syar’ie* yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

“Ketua Hakim *Syar’ie Negeri*” ertinya Ketua Hakim *Syar’ie Negeri* Sabah yang dilantik di bawah seksyen 5 Enakmen;

“Ketua Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 10 Enakmen;

“laporan audit” ertinya laporan audit daripada juru audit yang bertauliah yang diiktiraf oleh Jawatankuasa;

“Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Enakmen;

“Peguambela dan Peguamcara” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Peguambela [*Sabah Bab 2*];

“Peguam *Syar’ie*” ertinya seseorang yang telah diterima masuk sebagai Peguam *Syar’ie* di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“peperiksaan” ertinya peperiksaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa di bawah kaedah 11;

(2) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai mempunyai hubungan dengan Negeri Sabah bagi maksud Kaedah-Kaedah ini jika dia seorang warganegara Malaysia atau pemastautin tetap yang –

- (a) dilahirkan di dalam Negeri Sabah;
- (b) telah bermastautin di Negeri Sabah selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun berturut-turut atau lebih; atau
- (c) memuaskan hati Ketua Hakim *Syar’ie Negeri* bahawa pada masa timbul persoalan mengenai hubungan dengan Negeri Sabah, dia berdomisil di Negeri Sabah.

BAHAGIAN II
PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYAR'IE

Penubuhan Jawatankuasa

3. Hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dipanggil "Jawatankuasa Khas Peguam *Syar'ie*" yang akan mengendalikan segala hal berhubungan dengan Peguam *Syar'ie* di Negeri Sabah.

Keahlian Jawatankuasa

4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri dari -

- (a) Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang ditentukan oleh Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri, sebagai pengurus;
- (b) Peguam Besar Negeri Sabah atau wakilnya;
- (c) Ketua Pendakwa *Syar'ie*;
- (d) seorang Peguam *Syar'ie*;
- (e) seorang yang berkemahiran Hukum Syarak.

(2) Ketua Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

(3) Ahli Jawatankuasa yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah seseorang yang beragama Islam.

(4) Orang-orang yang dilantik di bawah subkaedah (1)(d) dan (e) hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri dan hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan layak dilantik semula.

(5) Ahli-ahli Jawatankuasa dan Setiausaha Jawatankuasa boleh dibayar eluan bagi setiap mesyuarat.

Penamatan pelantikan dan peletakan jawatan

5. (1) Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah subkaedah 4(1)(d) dan (e) boleh pada bila-bila masa ditamatkan pelantikannya oleh Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri tanpa memberikan apa-apa sebab mengenainya.

(2) Seseorang ahli Jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan menghantar notis kepada Pengurus Jawatankuasa.

Mesyuarat Jawatankuasa

6. (1) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa dan, jika Pengerusi tidak hadir, ahli yang hadir boleh melantik salah seorang dari mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Tiga orang ahli yang hadir hendaklah membentuk korum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara *Syura*.

(4) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa arahan Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri, Jawatankuasa boleh menetapkan prosedurnya sendiri.

Fungsi Jawatankuasa

7. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi-fungsi berikut:-

(1) menjalankan apa-apa temuduga dan/atau peperiksaan bagi mana-mana orang yang berkelayakan di bawah kaedah 8 dan telah selesai menjalani pelatihan di bawah kaedah 10 untuk diterima sebagai Peguam *Syar'ie* sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa dan semua perkara lain yang perlu bagi atau bersampingan dengan temuduga atau peperiksaan itu, termasuklah:

- (a) menyediakan temuduga atau soalan-soalan untuk temuduga atau sukatan pelajaran bagi peperiksaan;
- (b) menetapkan tarikh dan tempat untuk temuduga atau peperiksaan;
- (c) menimbang dan menilai jawapan dalam temuduga dan memeriksa jawapan peperiksaan;

(2) untuk mengawal tata tertib Peguam *Syar'ie*;

(3) mengeluarkan Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*;

(4) untuk membatal atau menggantung Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie* seseorang Peguam *Syar'ie*;

(5) untuk mengawalselia pendaftaran Firma Guaman *Syar'ie*; dan

(6) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri.

**BAHAGIAN III
PEGUAM SYAR'IE**

Kelayakan sebagai Peguam Syar'ie

8. Tertakluk kepada kaedah 9 dan 10, mana-mana orang yang memenuhi syarat yang berikut adalah layak untuk menjadi seorang Peguam Syar'ie -

- (a) seorang yang beragama Islam;
- (b) seorang warganegara Malaysia;
- (c) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (d) seorang yang berkelakuan baik disokong melalui perakuan oleh dua orang referi;
- (e) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia;
- (f) bukan seorang yang bankrap;
- (g) tidak dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas kapasitinya sebagai seorang peguambela dan peguamcara;
- (h) telah lulus ujian dan/atau temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan
- (i) seseorang yang mempunyai hubungan dengan Negeri Sabah.

Kelayakan akademik

9. (1) Tertakluk kepada kaedah 8, seseorang itu hendaklah memiliki kelayakan akademik seperti berikut -

- (a) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Islam Antarabangsa atau setaraf dengannya; atau
- (b) Ijazah Sarjana Muda Syariah yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan tertakluk kepada subkaedah (2); atau
- (c) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan telah diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara yang telah didaftarkan di bawah Ordinan Peguambela [Sabah Bab 2] tertakluk kepada subkaedah (2).

(2) Seseorang yang layak dalam subkaedah (1)(b) dan (c) hendaklah memiliki salah satu Sijil seperti berikut –

- (a) Diploma Undang-Undang Pentadbiran Kehakiman Islam daripada Universiti Islam Antarabangsa atau yang setaraf dengannya; atau
- (b) Diploma Pascasiswazah Undang-Undang Syariah dan Amalan atau yang setaraf daripada mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Pelatihan

10. (1) Tertakluk kepada kaedah 8 dan 9, sebelum seseorang itu diterima masuk sebagai Peguam *Syar'ie*, seseorang itu hendaklah menyempurnakan pelatihan sebagai pelatih guaman selama dua belas bulan di mana-mana firma guaman *syar'ie* atau dengan mana-mana peguambela dan peguamcara yang sedang beramal sebagai Peguam *Syar'ie*.

(2) Walau apa pun dalam subkaedah (1), Jawatankuasa boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan seseorang daripada menjalani pelatihan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya, apabila permohonan dibuat dengan disokong oleh keterangan yang memuaskan bahawa ada hal keadaan yang mewajarkan tempoh pelatihan itu dikecualikan.

(3) Latihan dalam kamar hendaklah diselia oleh seorang Peguam *Syar'ie* yang sedang dan telah menjalankan amalan secara aktif di Negeri Sabah bagi tempoh tidak kurang daripada lima tahun sebelum sahaja latihannya bermula.

Peperiksaan atau temuduga

11. (1) Sebaik menamatkan pelatihan di bawah subkaedah 10(1) pelatih guaman hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa melalui Peguam *Syar'ie* tempat latihannya mengesahkan latihannya telah tamat.

(2) Jawatankuasa hendaklah memanggil pelatih guaman untuk temuduga dan/atau menduduki peperiksaan atau kedua-duanya pada tarikh dan di tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa boleh menolak pelatih guaman yang tidak hadir temuduga atau tidak menduduki peperiksaan atau kedua-duanya pada tarikh dan di tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa tanpa alasan yang munasabah.

(4) Jawatankuasa boleh mengubah tarikh atau tempat temuduga atau peperiksaan atas permintaan pelatih guaman jika alasan yang munasabah diberikan olehnya.

(5) Setelah lulus temuduga atau peperiksaan, Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan Sijil pengesahan penyempurnaan.

Permohonan

12. (1) Permohonan untuk diterima masuk sebagai Peguam *Syar'ie* hendaklah difailkan dalam Mahkamah Tinggi Syariah melalui Notis Permohonan dengan Afidavit Sokongan dan hendaklah mengepulkan dalam permohonan tersebut –

- (a) pembuktian kelayakan, kelayakan akademik, penyempurnaan pelatihan, dan penyempurnaan peperiksaan atau temuduga dibawah kaedah 8, 9, 10 dan 11; dan
 - (b) dua testimoni terkini berkelakuan baik.
- (2) Salinan Permohonan itu dan dokumen sokongan hendaklah disampaikan kepada Jabatan Peguam Besar Negeri dan Jawatankuasa.
- (3) Fi bagi suatu permohonan ialah lima puluh ringgit.

Penerimaan sebagai Peguam *Syar'ie*

13. (1) Penerimaan sebagai Peguam *Syar'ie* hendaklah didengar dalam Mahkamah terbuka dengan kehadiran Peguam Besar Negeri atau wakilnya dan Jawatankuasa untuk mengusulkan persetujuan atau bantahan terhadap permohonan Pemohon.

- (2) Sekiranya Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri berpuas hati –
- (a) pemohon di bawah kaedah 12 yang layak dibawah kaedah 8, 9, 10 dan 11 diterima masuk sebagai Peguam *Syar'ie*;
 - (b) pemohon adalah orang yang layak dan sesuai untuk diterima masuk, setelah pembayaran dua ratus ringgit, Ketua Hakim *Syar'ie* hendaklah mengeluarkan perintah mengarahkan Ketua Pendaftar menyebabkan nama pemohon dimasukkan dalam Daftar Peguam *Syar'ie*.

Daftar Peguam *Syar'ie*

14. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyelenggara suatu rekod mengenai pendaftaran semua Peguam *Syar'ie* dan rekod itu hendaklah dipanggil “Daftar Peguam *Syar'ie*”.

- (2) Daftar Peguam *Syar'ie* hendaklah mengandungi maklumat yang berikut --
- (a) nama;
 - (b) nombor kad pengenalan;
 - (c) kelulusan;
 - (d) nama firma / pejabat;
 - (e) alamat surat menyurat;
 - (f) tarikh diterima masuk sebagai Peguam *Syar'ie*;

-
- (g) tempoh sah Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*;
 - (h) tarikh pembatalan pendaftaran (jika ada);
 - (i) maklumat mengenai apa-apa tindakan tatatertib (jika ada) ke atas Peguam *Syar'ie*;
 - (j) butir-butir lain sebagaimana dikehendaki oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

Rayuan

15. Sekiranya permohonan pemohon ditolak di bawah kaedah 13 maka pemohon boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah merujuk kepada seksyen 139 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah 2004 dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah dikeluarkan.

Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*

16. (1) Walau apa pun dalam subkaedah 13(2), Peguam *Syar'ie* hanya dibenarkan untuk beramat setelah menerima Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*.

(2) Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie* yang diperakuan oleh Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri mengikut Borang A dalam Jadual Pertama apabila dibayar fi sebanyak satu ratus ringgit.

(3) Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie* yang dikeluarkan di bawah subkaedah (2) hendaklah sah bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh ianya dikeluarkan dan boleh diperbaharui dengan membayar fi yang ditetapkan.

(4) Mana-mana Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie* yang dikeluarkan sebaik penerimaan masuk sebagai Peguam *Syar'ie*, hendaklah tamat pada hujung tahun sijil itu dikeluarkan.

Pemakluman

17. Setiausaha Jawatankuasa adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan perintah yang dikeluarkan di bawah subkaedah 13(2) kepada semua Mahkamah Syariah di Negeri Sabah.

Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar Peguam *Syar'ie*

18. (1) Seseorang Peguam *Syar'ie* boleh, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, memohon kepada Mahkamah supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar Peguam *Syar'ie*.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Mahkamah serta disokong dengan afidavit dan salinan diserahkan kepada Jawatankuasa.

Permohonan untuk diterima semula sebagai Peguam Syar'ie

19. (1) Mana-mana orang yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar Peguam Syar'ie dibawah subkaedah 18(1) boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah bagi pemasukan semula namanya dalam Daftar Peguam Syar'ie.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah difailkan dengan notis permohonan dan disokong dengan Afidavit.

(3) Salinan permohonan hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa dalam masa empat belas hari sebelum pendengaran permohonan itu.

(4) Jawatankuasa hendaklah, apabila menerima salinan permohonan itu, menyediakan satu laporan yang termasuklah salinan rekod apa-apa prosiding yang kesan daripadanya nama pemohon itu dikeluarkan dari Daftar Peguam Syar'ie.

(5) Ketua Hakim Syar'ie Negeri boleh, jika difikirkannya adil dan munasabah, dengan bayaran lima ratus ringgit, memerintahkan Ketua Pendaftar untuk memasukkan semula nama Pemohon dalam Daftar Peguam Syar'ie.

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah.

Pembaharuan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syar'ie

20. (1) Tiap-tiap permohonan untuk pembaharuan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syar'ie hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa tidak lewat dari satu bulan sebelum tamat tempoh sijil itu.

(2) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan iaitu Borang B dalam Jadual Kedua.

(3) Sijil Amalan Tahunan Guaman Syar'ie boleh diperbaharui apabila Jawatankuasa berpuashati bahawa pemohon telah mengemukakan laporan audit dan telah membayar fi untuk pembaharuan sijil sebanyak satu ratus ringgit.

(4) Seseorang Peguam Syar'ie yang gagal untuk memperbaharui Sijil Amalan Tahunan Guaman Syar'ienya sehingga tamat tempoh dua belas bulan tidak akan dibenarkan untuk memperbaharui sijilnya dan namanya hendaklah dianggap sebagai telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa dari Daftar Peguam Syar'ie; dan jika dia berhasrat untuk dilantik semula sebagai Peguam Syar'ie, dia hendaklah memohon menurut kaedah 19.

BAHAGIAN IV
PROSEDUR TATATERTIB

Tindakan tatatertib

21. (1) Jawatankuasa boleh, atas sebab-sebab yang wajar, mengenakan tindakan tatatertib ke atas mana-mana Peguam *Syar'ie* menurut peruntukan Bahagian ini.

(2) Di antara sebab-sebab bagi memulakan tindakan tatatertib ke atas mana-mana Peguam *Syar'ie* adalah seperti berikut -

- (a) telah berkelakuan bertentangan dengan Hukum Syarak;
- (b) telah membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis atau apa-apa perlakuan lain yang semunasabahnya boleh disifatkan sebagai menghina agama Islam atau Institusi Kehakiman Syariah Negeri atau Hakim-Hakim *Syar'ie*;
- (c) telah disabitkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) telah dengan sengaja atau tanpa apa-apa sebab yang munasabah enggan menjalankan kewajipannya terhadap kliennya;
- (e) telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya kepada Mahkamah untuk mematuhi apa-apa aku janji yang telah diberikan kepada Mahkamah;
- (f) telah menghina Mahkamah atau mana-mana hal ehwal agama Islam;
- (g) tidak jujur atau melakukan fraud dalam melaksanakan tugasnya;
- (h) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui seorang penarik langganan;
- (i) telah melakukan atau menyebabkan atau membiarkan sesuatu dilakukan, apa-apa tujuan menarik langganan secara langsung atau tidak langsung atau yang sekira-kiranya menunjukkan bahawa ia dilakukan untuk tujuan tersebut;
- (j) membenarkan mana-mana orang yang bukan seorang Peguam *Syar'ie* mengusahakan atau menjalankan urusan perundangan atas namanya atau firmanya;
- (k) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain yang diguna khidmat olehnya apa-apa tred, perniagaan atau kerjaya yang pada pendapat Jawatankuasa adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam *Syar'ie*;

-
- (l) telah didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin yang ditubuhkan di bawah seksyen 12A Ordinan Peguambela [*Sabah Bab 2*];
 - (m) telah diisyiharkan sebagai bankrap dan belum dilepaskan; atau
 - (n) telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika pada pendapat Jawatankuasa pelanggaran atau kegagalan itu memerlukan tindakan tatatertib.
 - (o) melakukan pelanggaran terhadap apa-apa Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri atau Garis Panduan berkaitan etika dan kelakuan seseorang Peguam *Syar'ie* yang telah dan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Mahkamah atau Jawatankuasa.

Aduan terhadap Peguam *Syar'ie*

22. Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang Peguam *Syar'ie* atau pelatih guaman atas sifat profesionalnya hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa.

Siasatan

23. (1) Setelah menerima sesuatu aduan itu, Pengerusi Jawatankuasa hendaklah menyebabkan suatu siasatan diadakan.

(2) Tiap-tiap siasatan oleh Jawatankuasa hendaklah dijalankan secara dan setakat yang difikirkan adil dan munasabah menurut budi bicara mutlaknya dengan syarat bahawa sebelum ia menentukan siasatan hendaklah diadakan, ia hendaklah-

- (a) meminta Peguam *Syar'ie* yang berkenaan, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari memberi kepada Jawatankuasa apa-apa jua penjelasan bertulis berhubung dengan aduan itu; dan
- (b) membuat penyampaian notis di subkaedadah (a) secara kendiri kepada Peguam *Syar'ie* yang berkenaan dan sekiranya penyampaian kendiri tidak dapat dilakukan memadai dengan meninggalkan notis itu di alamat terakhir Peguam *Syar'ie* itu.

(3) Sekiranya Peguam *Syar'ie* yang berkenaan gagal memberikan apa-apa jua penjelasan bertulis yang munasabah atau gagal untuk memberikan apa-apa jua penjelasan setelah tamat tempoh masa empat belas hari, maka Jawatankuasa bolehlah mengadakan siasatan terhadap aduan itu.

(4) Apabila siasatan telah selesai, Jawatankuasa hendaklah menyediakan suatu laporan dan pendapatnya dalam mesyuarat Jawatankuasa, dan hendaklah juga membuat perakuannya sama ada Peguam *Syar'ie* berkenaan bersalah atau tidak atas kesalahan yang diadukan itu.

(5) Jika Jawatankuasa membuat perakuuan bahawa Peguam *Syar'ie* berkenaan didapati bersalah atas kesalahan yang diadukan itu, Jawatankuasa hendaklah juga membuat perakuuan mengenai hukuman yang patut dikenakan ke atas Peguam *Syar'ie* tersebut.

(6) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa adalah berkuasa untuk mengawal selia prosedurnya sendiri berhubungan dengan perjalanan siasatannya ke atas apa-apa aduan.

Kuasa Jawatankuasa mengeluarkan perintah

24. Jawatankuasa apabila mendengar sesuatu permohonan atau aduan yang dibuat kepadanya di bawah kaedah 22, adalah berkuasa membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil dan munasabah, dan sesuatu perintah itu boleh khususnya termasuk peruntukan bagi mana-mana daripada perkara-perkara yang berikut-

- (1) membuat perintah supaya nama Peguam *Syar'ie* berkenaan digugurkan daripada daftar Peguam *Syar'ie*;
- (2) menggantung Peguam *Syar'ie* itu daripada menjalankan amalan bagi suatu tempoh yang difikirkan adil dan munasabah;
- (3) memberi amaran bertulis kepada Peguam *Syar'ie* itu; atau
- (4) membuat apa-apa keputusan lain yang difikirkan adil dan munasabah.

Rayuan daripada perintah akhir atau keputusan Jawatankuasa

25. Peguam *Syar'ie* yang terkilan dengan mana-mana keputusan Jawatankuasa boleh merayu kepada Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan diterima.

BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM

Mengemukakan Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie*

26. Tiap-tiap Peguam *Syar'ie* hendaklah mengemukakan Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie* jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah Syariah.

Kebenaran untuk beramal dalam kes-kes khas

27. (1) Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri boleh, menurut budi bicara mutlaknya, atas permohonan oleh atau bagi pihak mana-mana Peguam *Syar'ie* negeri-negeri lain di Malaysia, membenarkan Peguam *Syar'ie* tersebut untuk beramal dalam mana-mana kes tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan sesuai oleh Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri dan setelah dibayar fi yang ditetapkan jika-

- (a) Peguam *Syar'ie* tersebut dicadangkan oleh Peguam *Syar'ie* tempatan; dan
 - (b) Mengambilkira semua keadaan yang berkaitan, Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri berpendapat bahawa ianya adalah untuk kepentingan keadilan.
- (2) Permohonan di bawah subkaedah (1) oleh mana-mana Peguam *Syar'ie* hendaklah disokong oleh afidavit sendiri dan afidavit Peguam *Syar'ie* yang mencadangkannya dengan menyatakan—
- (a) bahawa dia telah dicadangkan oleh Peguam *Syar'ie* tempatan;
 - (b) semua keadaan yang berkaitan dengan hal perkara yang mana pemohon niat untuk hadir;
 - (c) alasan atau sebab kenapa ianya menjadi kepentingan keadilan kepada pemohon untuk diterima beramal di bawah Kaedah ini; dan
 - (d) kelayakan dan pengalaman khas pemohon.
- (3) Permohonan hendaklah juga diserahkan kepada Peguam Besar Negeri dan Jawatankuasa;
- (4) Sebelum membenarkan mana-mana Peguam *Syar'ie* untuk beramal di bawah Kaedah ini, Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri hendaklah mengambil kira pandangan Peguam Besar Negeri dan Jawatankuasa;
- (5) Ketua Pendaftar hendaklah, setelah dibayar fi satu ribu ringgit, mengeluarkan kepada setiap Peguam *Syar'ie* yang dibenarkan untuk beramal di bawah Kaedah ini, satu sijil beramal mengikut Borang C dalam Jadual Ketiga yang menyatakan di dalamnya hal atau perkara yang mana Peguam *Syar'ie* itu dibenarkan untuk hadir;
- (6) Ketua Pendaftar hendaklah menyimpan satu Daftar lain nama Peguam-Peguam *Syar'ie* yang dibenarkan beramal di bawah Kaedah ini.

Sekatan

28. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam *Syar'ie* atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam *Syar'ie* melainkan dia adalah menurut Kaedah 14, dianggap sebagai telah dilantik menjadi Peguam *Syar'ie* oleh Kaedah-Kaedah ini, atau dia telah dilantik dengan sempurnanya sebagai Peguam *Syar'ie* menurut Kaedah-Kaedah ini.
- (2) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam *Syar'ie* atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam *Syar'ie*, jika suatu perintah penggantungan ke atasnya di bawah subkaedah 24(2) masih berkuat kuasa.

Penalti

29. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Pemansuhan dan Kecualian

30. (1) Seseorang yang telah diberi kebenaran sebagai Peguam *Syar'ie* sebelum sahaja Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa hendaklah dianggap telah diterima masuk sebagai Peguam *Syar'ie* tertakluk kepada syarat kemasukan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat dan keputusan Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri.

(2) Peguam *Syar'ie* di bawah subkaerah (1) hendaklah, dalam tempoh dua belas bulan selepas sahaja Kaedah-Kaedah ini mula berkuatkuasa, mengemukakan kepada Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri bukti pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie* dikeluarkan di bawah subkaerah 16(2).

(3) Tertakluk kepada subkaerah 2(2), seseorang yang telah meletakkan jawatannya atau bersara pilihan atau bersara wajib dan telah sebelum itu berkhidmat selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun sebagai Hakim *Syar'ie* di mana-mana negeri di Malaysia boleh beramal sebagai Peguam *Syar'ie*.

(4) Pada melaksanakan kehendak subkaerah (1), (2) dan (3), Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri boleh menetapkan tatacaranya sendiri.

JADUAL PERTAMA

ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH 2004

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYAR'IE (NEGERI SABAH) 2021

BORANG A
(Kaedah 16)

SIJIL AMALAN TAHUNAN GUAMAN SYAR'IE

Dengan ini saya memperakui bahawa.....
No. Kad Pengenalan..... adalah dibenarkan menjalankan amalan sebagai Peguam *Syar'ie* dalam Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Sabah mulai darihb 20..... hinggahb
20.....

Tarikh dikeluarkan

Masihi

Hijrah

.....
Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri

JADUAL KEDUA
ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH 2004
KAEDAH-KAEDAH PEGUAM *SYAR'IE* (NEGERI SABAH) 2021
BORANG B
(Kaedah 20)

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL AMALAN TAHUNAN GUAMAN
*SYAR'IE***

Pengerusi
Jawatankuasa Peguam *Syar'ie* Negeri Sabah

Dengan hormatnya saya memohon bagi pembaharuan Sijil Amalan Tahunan Guaman *Syar'ie* bagi tempoh dua belas bulan berkuat kuasa darihb20..... hinggahb.....20.....dan butiran diri saya adalah seperti berikut:

1. Nama:
2. No. Kad Pengenalan :
3. No. Siri Daftar:
4. No. Sijil Peguam *Syar'ie*:
5. Tarikh tamat sijil :
6. No. Sijil Amalan Guaman *Syar'ie*:
7. No. Faks :
8. E-mel :
9. Nama dan alamat firma / pejabat :
10. Alamat surat-menyurat:
11. No. Telefon :
 - (a)(Pejabat)
 - (b)(Telefon Bimbit)
12. Alamat kediaman :
13. Butiran lain (jika ada) :

Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak pernah disabitkan di Malaysia atau mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah dan saya bukan seorang bankrap.

Saya mengaku bahawa segala butiran yang tersebut di atas adalah benar.

Bertarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

PERINGATAN : Pemohon hendaklah mengemukakan salinan sijil, testimoni, perakuan dan dokuman lain yang diperakui sah untuk menyokong permohonannya.

BAGI KEGUNAAN JAWATANKUASA

Tarikh diterima :

Amaun Fi:

No. Resit:

Dicatatkan dalam daftar Peguam *Syar'ie* pada :

Tarikh:

.....
Ketua Hakim *Syar'ie* Negeri

JADUAL KETIGA
ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH 2004
KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYAR'IE (NEGERI SABAH) 2021
BORANG C
(Kaedah 27)

SIJIL BERAMAL DALAM KES-KES KHAS

Dengan ini saya memperakui bahawa.....(nama) No.
Kad Pengenalan..... adalah dibenarkan untuk hadir di hadapan
.....(nyatakan mahkamah), untuk
(no. kes).....(nama klien) mulai dari hingga
.....

Tarikh dikeluarkan

Masihi

Hijrah

.....
Ketua Hakim Syar'ie Negeri

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH 2004

Kaedah-Kaedah Peguam Syar'ie (Negeri Sabah) 2021

SYARAT-SYARAT PENERIMAAN
(Kaedah 30(1)(2) dan (4))

Pada melaksanakan subkaedah 30(1)(2) dan (4), maka ditetapkan syarat-syarat penerimaan seperti berikut:

- i. Seseorang itu telah mempunyai pengalaman beramal sebagai Peguam *Syar'ie* merujuk kepada Surat Kebenaran Beramal Sebagai Peguam *Syar'ie* yang telah dikeluarkan kepadanya; dan
- ii. Seseorang itu adalah didapati aktif beramal sebagai Peguam *Syar'ie* merujuk kepada bukti dokumentar seperti Wakalah Peguam *Syar'ie* atau surat-menyurat pengurusan kes di Mahkamah Syariah; dan
- iii. Seseorang itu telah memperolehi Diploma Pascasiswazah Pengajian Islam daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atau Sarjana Pengajian Islam daripada Open University Malaysia (OUM) atau Diploma Undang-Undang Pentadbiran Kehakiman Islam daripada Universiti Islam Antarabangsa atau yang setaraf dengannya atau Diploma Pascasiswazah Undang-Undang Syariah dan Amalan atau yang setaraf daripada mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
- iv. Seseorang itu adalah bebas daripada aduan salah laku atau tindakan tatatertib daripada mana-mana persatuan atau pertubuhan peguam atau peguam *syar'ie* di Malaysia; dan
- v. Seseorang itu mempunyai hubungan dengan Negeri Sabah seperti yang dinyatakan dalam subkaedah 2(2).

Dibuat 2021

Dengan Kuasa dan Arahan,

Y.A.A. ALIDIN @ AHMAD DIN BIN OKK OTHMAN
Ketua Hakim Syar'ie Negeri

SYARIAH COURTS ENACTMENT 2004
SYAR'IE LAWYER (STATE OF SABAH) RULES 2021

ARRANGEMENT OF RULES

PART I
PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II
ESTABLISHMENT OF SYAR'IE LAWYER COMMITTEE

3. Establishment of the Committee
4. Membership of the Committee
5. Termination of appointment and resignation
6. Meeting of the Committee
7. Functions of the Committee

PART III
SYAR'IE LAWYER

8. Eligibility of *Syar'ie* Lawyer
9. Academic qualifications
10. Pupillage
11. Examination or interview
12. Application
13. Admission as *Syar'ie* Lawyer
14. Register of *Syar'ie* Lawyer
15. Appeal
16. *Syar'ie* Annual Legal Practising Certificate
17. Notice
18. Application to remove name from Register of *Syar'ie* Lawyer

19. Application to be re-admitted as *Syar'ie* Lawyer
20. Renewal of *Syar'ie* Annual Legal Practising Certificate

**PART IV
DISCIPLINARY PROCEDURES**

21. Disciplinary action
22. Complaint against *Syar'ie* Lawyer
23. Enquiry
24. Power of Committee to issue order
